

BAB 5
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948**BAHAGIAN A - SOALAN OBJEKTIF**

1. Gambar 1 di bawah menunjukkan Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan pada 25 Julai 1946.



Gambar 1

Apakah **tujuan** jawatankuasa tersebut ditubuhkan?

- Menentukan jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum
 - Membincangkan kedudukan Raja-raja Melayu dan orang Melayu
 - Menentukan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1948
 - Membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
2. Mengapakah gabungan PUTERA dan AMCJA menolak rangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- Enggan berkompromi dengan penjajah
 - Jawatankuasa Kerja tidak diwakili semua kaum
 - Menentang pengembalian kuasa Raja-raja Melayu
 - Mahu kedudukan istimewa orang Melayu dipulihkan
3. Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948 bagi menggantikan gagasan Malayan Union. Apakah faktor-faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- Bantahan orang Melayu
 - Sokongan pentadbir British
 - Bantahan golongan Imigran
 - Cadangan Pesuruhjaya Tinggi British
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

4. Pernyataan di bawah merujuk kepada saranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melalui Piagam Atlantik pada bulan Ogos 1941.

Dasar Dekolonisasi

Bagaimanakah British bertindak mematuhi piagam tersebut di Tanah Melayu?

- Memperkukuhkan sistem pertahanan
 - Menamatkan gagasan Malayan Union
 - Mengurangkan kuasa Raja-raja Melayu
 - Melonggarkan syarat kewarganegaraan
5. Gambar 2 di bawah menunjukan peranan Raja-raja Melayu dalam mengembalikan kedaulatan negara dengan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.



Apakah **kepentingan** mempertahankan kedaulatan negara pada masa kini?

- Mengukuhkan ekonomi imigran
 - Mengekalkan perpaduan rakyat
 - Memelihara kemerdekaan negara
 - Memastikan penguasaan orang Melayu
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

6. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah dimeterai secara rasmi pada 1 Februari 1948. Apakah ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- Gabungan sembilan buah negeri-negeri Melayu
 - Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Sultan
 - Rang undang-undang perlu mendapat perkenan pihak British
 - Jus Soli hanya terbuka untuk rakyat Raja dan rakyat British
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
7. Antara yang berikut, manakah syarat kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang?
- Lahir di luar negeri dan ayahnya mestilah rakyat Raja
 - Bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu
 - Mempunyai tingkah laku yang baik dan tiada rekod jenayah
 - Bermastautin selama 15 tahun daripada 20 tahun dari hari permohonan
8. Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap orang Melayu?
- Syarat kewarganegaraan dilonggarkan
 - Kedudukan istimewa orang Melayu diiktiraf
 - Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu
 - Mewujudkan kerjasama kaum ke arah perpaduan
9. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah memberi kesan terhadap pemerintahan beraja di Tanah Melayu. Apakah kesan tersebut?
- Penubuhan Majlis Raja-raja
 - Pelaksanaan sistem penasihat
 - Pengenalan sistem Raja Berperlembagaan
 - Penyelarasan sistem Pesuruhjaya Tinggi British
10. Apakah kepentingan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia.
- Kewarganegaraan dilonggarkan
 - Melahirkan identiti bangsa Malayan Union
 - Hak mutlak memerintah negara yang berdaulat
 - Sistem demokrasi berkonsepkan Raja Berperlembagaan